

# PM mahu semua muzium memaparkan sejarah lama

MELAKA 13 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu semua muzium di Malaysia memaparkan sejarah lama yang menunjukkan bagaimana pemerintah tempatan ditewaskan oleh penjajah asing untuk dijadikan pengajaran.

Katanya, pemaparan sejarah penjajahan itu akan menjadi pengajaran agar rakyat negara ini tidak mengulangi kesalahan yang sama.

"Jika sejarah lama dipaparkan, bagaimana kita ditewaskan oleh Portugis:

kita akan ulangi kesalahan itu berkali-kali nanti," kata Perdana Menteri ketika berucap merasmikan Muzium Samudera bernilai RM3.8 juta di Jalan Merdeka di sini hari ini.

Menurutnya, penindasan tentera Melayu terhadap sekumpulan kecil pedagang Portugis (sebelum dijajah) telah menimbulkan kemarahan kerajaannya lalu menghantar bala tentera yang besar untuk memaklukkan Melaka.

Bagaimanapun Dr. Mahathir berkata penjajahan kuasa-kuasa Barat di

Tanah Melayu sedikit sebanyak telah membawa kebaikan kepada orang Melayu agar tidak merasa terasing dengan dunia luar.

Beliau berkata, orang Melayu tidak mahu lagi kembali ke zaman kegemilangan Melayu yang akhirnya runtuh pada 1511.

"Sekarang kita perlu mendirikan pentadbiran yang cekap dan perluaskan perdagangan supaya dapat bersaing dengan semua negara maju.

"Kita mesti bergerak le-

bih pantas supaya dapat bersaing dengan orang di hadapan," katanya.

Oleh itu, tegas Mahathir, negara ini mahu mencipta sejarah baru tetapi sejarah lama masih penting untuk dijadikan pengajaran.

Beliau juga berkata, fungsi muzium juga untuk memperingati asal usul orang Melayu sebagai pelaut yang handal supaya ia dapat dijadikan panduan ke arah mana bangsa itu akan pergi.